

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 2 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KOREK PASIR, TAMBAK LAUT JEJAS HASIL NELAYAN, SURAT PEMBACA, BH -46	LAIN - LAIN
2.	JIWA TANI PELAJAR SMK KEDONDONG, SETEMPAT, HM -16	
3.	INOVASI BAJA FOLIAR, INOVASI, SH -26	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Korek pasir, tambak laut jejas hasil nelayan

Dalam laporan *Berita Harian* pada 24 Ogos lalu, Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, menyatakan aktiviti perlombongan pasir dan tambak laut menjadikan kehidupan ribuan nelayan pantai.

Terdapat juga laporan bahawa kerosakan hutan paya bakau dan pencerobohan oleh nelayan asing memudaratkan habitat laut dan memburukkan situasi nelayan yang semakin susah.

Malah, aktiviti tambak laut juga menyebabkan kerosakan lebih ketara kepada habitat laut Malaysia. Projek tambak laut di perairan Pulau Pinang menyebabkan tangkapan ikan bagi nelayan pantai berkurban. Situasi serius ini harus ditangani dengan strategi pemuliharan yang menyeluruh oleh pihak berkuasa untuk menghalang kerosakan alam sekitar dan membantu nelayan terjejas.

Temu bual dengan nelayan pantai dari Tanjung Tokong, Tanjung Bungah, Gurney dan Paramount pada sesi aduan nelayan anjuran Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Penang Forum menunjukkan penurunan ketara jumlah dan kepelbagaiannya hasil tangkapan sejak projek tambak Seri Tanjung Pinang (1 dan 2) serta Gurney Wharf bermula pada 2016.

Nelayan menyatakan tangkapan udang besar turun daripada 15 kilogram (kg) sehari kepada satu hingga dua kg sehari. Kerang, ikan bawal dan ikan sembilang tiada di kawasan itu, manakala jumlah tangkapan ikan lain turun mendadak.

Hampir semua yang ditemu bual menyatakan kualiti air laut



Keratan akbar BH 24 Ogos lalu.

merosot selepas tambakan. Nelayan yang dahulunya memperoleh RM2,000 sebulan, hanya mampu meraih RM600 sebulan.

Pada sesi aduan di Bagan Ajam pula, nelayan ditemu bual berkata, projek tambak Lingkaran Jalan Luar Butterworth yang siap pada 2005 menjadikan kualiti dan kepelbagaiannya hasil tangkapan di kawasan itu. Sehingga kini, laut dan hasil laut tidak pulih ke tahap sebelum tambakan.

Seorang nelayan berkata, sebelum ini, tangkapannya antara 50 hingga 70 ikan bawal sehari, tetapi selepas tambak, hanya dua ekor sehari diperoleh. Air laut di kawasan itu sekarang juga kotor, berlumpur dan keruh.

Ada mendakwa laut tercemar menyebabkan mereka mengalami masalah kulit. Yang lain punya mengadu mereka kini sering tertangkap otor-otor dan landak laut. Sampah di laut juga sering merosakkan jaring mereka dan memerlukan lebih perbelanjaan untuk diganti.

Laut antara Butterworth dan

Tanjung Tokong memang terkenal dengan ikan kembung (pelaling) yang dahulu sering dibeli untuk makanan kucing kerana harganya yang rendah. Hari ini ikan kembung yang dinamakan 'ikan rakyat' oleh LKIM berharga mahal dan sukar diperoleh.

Perlu diingat nelayan adalah pengawas laut yang paling boleh dipercayai, kerana perubahan di laut akan mempunyai kesan langsung terhadap pendapatan sehari-hari mereka. Mereka tahu keadaan laut yang terbaik untuk memperoleh tangkapan ikan yang banyak.

Mereka arif tempat ikan membiak di kawasan persisiran pantai dan tahu bila laut dibebani pencemaran dan pemendapan daripada jumlah tangkapan yang berkurangan atau ketiadaan ikan di kawasan itu.

Mereka harus pantau jauh ke depan kerana tahu memukat secara tradisional adalah kegiatan ekonomi yang memerlukan pengurusan berterusan bagi memastikan bekalan ikan, laut dan

persisiran pantai terus sihat dan mampu.

Pencemaran akibat tambakan laut, perlombongan pasir dan sisa buangan mungkin menjadikan industri akuakultur Taufan Lekim baru-baru ini menyebabkan sisa pencemaran timbul dari dasar laut dan mengakibatkan kematian 50,000 ikan di Pulau Pinang adalah satu kerugian besar untuk industri akuakultur.

Minggu lalu, beberapa insiden pencemaran dikesan di Batu Ferringhi, Teluk Bahang dan Teluk Kumbar. Punca pencemaran masih belum dikenal pasti, tetapi pencemaran laut di Pulau Pinang mencapai tahap kritis.

Justeru, kami menyeru LKIM atau badan kerajaan yang berkenaan menganjurkan kajian mendalam mengenai impak tambakan oleh institusi bebas yang berwibawa.

Hasil kajian boleh membantu pihak kerajaan merangka dasar berasas bagi memulihkan kawasan terjejas di darat dan laut. Sekiranya kajian mendapati kawasan itu tidak dapat dipulihkan sepenuhnya, aktiviti tambakan harus diberhentikan.

Kami sedar semua aktiviti tambakan dan perlombongan pasir di Perlis, Kedah, Penang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah dirancang tanpa menghiraukan nasib dan kepentingan komuniti nelayan persisiran pantai.

Negara kita dibina dengan titik peluh dan darah nelayan serta petani. Mereka berhak mendapat pembelaan sewajarnya, apatah lagi ketika negara sudah 62 tahun merdeka.

Khoo Salma Ndsution,
Ahli Jawatankuasa Penang Forum



SEBAHAGIAN pelajar tingkatan empat memerluka daun nanas.



PELAJAR menghabiskan masa dua jam melakukan tugas di ladang nanas.



MAT Lazim (tengah) menunjukkan nanas yang baru dipetik di SMK Kedondong.



MAT Lazim (enam dari kanan) bersama pelajar di ladang nanas.



PELAJAR menjaga pokok naga.

Jiwa tani pelajar SMK Kedondong

■ Tanam nanas MD2 seluas 0.8 hektar dalam kawasan sekolah

Siti Rohana Idris
cnews@NSTP.COM.MY

Pasir Mas.

Setiap pagi kelihatan se-kumpulan pelajar melakukan tugas masing-masing di kebun nanas seluas 0.8 hektar dalam kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kedondong, di sini.

Ada yang membaja, membuat rumput, meracun dan memerluka daun bagi mengesan serangan penyakit pada nanas MD2 dilusahakar.

Pengetahuan SMK Kedondong, Mat Lazim Mohammad berkata, tanaman nanas MD2 itu diusahakan pelajar tingkatan empat mengambil alih ran Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA).

Katanya, pertanian nanas jenis itu yang juga sebahagian sukatani pertanian dimulakan Julai tahun lalu bertemakan Dari Lalang ke Ladang.

“Boleh kata ini projek mega untuk subjek kelas vokasional dan kami memilih nanas MD2 kerana tanaman ini mempunyai permintaan

“

Ada 22,000 benih nanas MD2 di ladang di belakang sekolah. Selain itu, tanaman ini juga ditanam di beberapa lokasi sekitar sekolah sebagai landskap”

Mat Lazim Mohammad

tinggi di pasaran selain mudah dijaga.

“Ada 22,000 benih nanas MD2 di ladang di belakang sekolah. Selain itu, tanaman ini juga ditanam di beberapa lokasi sekitar sekolah seba-

gai landskap.

“Kami mendapat bantuan pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyalurkan dana pelaksanaan RM15,000 diberi menerusi dua fasa,” katanya di ladang nanas sekolah itu.

Menurutnya, 14 pelajar tingkatan empat mengikut kelas PVMA menghabiskan masa dua jam bagi melakukan tugas masing-masing di ladang berkenaan pada sebelah pagi.

Mat Lazim berkata, tahun lalu hanya enam pelajar mengikut kelas itu dan peningkatan mendadak penyertaan disebabkan timbul keseda-

ran mengenai kemahiran perjianan yang boleh menjana pendapatan lumayan.

“Tahun depan kami menyediakan satu kelas PVMA untuk tingkatan lima dengan jumlah pelajar tidak melebihi 25 orang kerana ia di bawah kuota Jabatan Pembangunan Kemahiran,” katanya.

Beliau berkata, nanas MD2 mengambil masa 15 bulan untuk matang dan tanaman itu dijangka dapat dituai hujung tahun ini.

“Persatuan Nanas Kelantan akan membeli tanaman ini secara pukal. Jadi tidak ada masalah untuk mencari pasaran,” katanya.



Inovasi baja foliar

FASTGROW CIPTA KADEAH PENYERAPAN NUTRISI MENERUSI BATANG POKOK TANAMAN

BAJA adalah sebatian yang penting untuk membantu menggalakkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan, ia membantu menghasilkan tumbuhan yang terbaik dan berkualiti.

Tumbuhan yang sihat pastinya dapat meningkatkan penghasilan buah yang berkualiti serta berat buah yang memberikan kepuasan kepada pengguna.

Selain itu, baja yang berkualiti akan membantu meningkatkan hasil pertanian sekali gus meningkatkan ekonomi Malaysia dalam sektor tersebut ke tahap yang membanggakan.

Hasrat ingin membantu golongan petani memberikan inspirasi kepada syarikat Bumiputera, MQH Resources Sdn Bhd (MQH Resources) menghasilkan ciptaan inovasi baja cecair berjénama Fastgrow.

Kini nama syarikat MQH Resources Sdn Bhd ditukar kepada FastGrow Fertilizer Malaysia Sdn Bhd (FastGrow Fertilizer).

Dihasilkan oleh anak muda tempatan melalui proses yang teliti dan bahan berkualiti.

FastGrow Malaysia optimis membantu pengusaha kebun dan industri pertanian dalam merancakkan produktiviti dan kualiti hasil.

Pengarah Pemasarannya, Hamzah Hamid berkata, baja cecair atau dikenali sebagai baja foliar mempunyai pelbagai kelebihan dan merupakan kaedah terbaik untuk membantu pertumbuhan pokok.

Menurutnya, MQH Resources mengambil masa selama enam tahun untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) penghasilan baja Fastgrow.

"Ia merupakan formulasi khas sendiri dan mengambil masa yang lama untuk dihasilkan bertujuan memberikan

kemudahan kepada petani dan meningkatkan hasil pertanian yang berkualiti.

"Malaysia sering dilanda musim panas dan ia menyukarkan penyerapan pokok terhadap baja sedia ada. Baja Foliar ini merupakan kaedah bagi penyerapan nutrisi oleh pokok," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Beliau berkata, cara penggunaan baja itu hanya perlu disembur pada batang dan daun bagi membantu pokok sihat.

Diserap

Selalunya penggunaan baja ialah pada tanah untuk diserap oleh akar, namun berlainan pula dengan Fastgrow yang digunakan dengan menyembur pada batang pokok.

"Cecair Fastgrow boleh diserap oleh mana-mana bahagian pokok tanaman



HAMZAH (kiri) bersama salah seorang petani yang menggunakan baja FastGrow untuk tanaman durian.



CECAIR Fastgrow boleh diserap oleh bahagian daun bagi tanaman sayuran. (Gambar hiasan)



KAEDAH penyemburan baja pada batang pokok.

yang masih hidup seperti batang dan daun pada tanaman sayuran.

"Baja ini bersifat seperti makanan tambahan yang bertindak membantu tumbesaran pokok yang sihat dan membekalkan pulih pokok yang bermasalah," katanya.

Menariknya, baja Fastgrow juga boleh digunakan bersama baja tabur lain malah berpotensi membantu meningkatkan kesuburan dan produktiviti tanaman.

Tambahnya, selain bertindak sebagai vitamin kepada tanaman dengan membantu menghasilkan buah yang banyak dan berkualiti tanpa meninggalkan kesan kerosakan kepada tumbuhan dalam jangka masa panjang.

Baja cecair itu sesuai digunakan kepada semua jenis tumbuhan namun menurut Hamzah, pihaknya sedang memfokus kepada peningkatan hasil buah sawit.

"Ini kerana sawit merupakan komoditi utama negara. Penggunaan produk ini pada buah kelapa sawit mampu meningkatkan penghasilan buah, OER (perbandingan minyak mentah kelapa sawit) dan kualiti pada buah," katanya.

Pengeluaran

Hamzah berkata, FastGrow mengeluarkan lebih 10 produk rangkaian baja dan yang mendapat permintaan tinggi ialah FastGrow Hijau, FastGrow Merah, BlackWizard dan Vitamin Padi.

Baja FastGrow Merah digunakan untuk tanaman sawit, durian, buah-buahan juga sayur-sayuran dan ia boleh digunakan sehingga 4.8 hektar ladang sawit dan 8 hektar kebun.

Baja FastGrow Hijau pula boleh digunakan untuk tanaman kelapa sawit, getah, durian, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman landskap.

"Ia boleh digunakan sehingga 9.6 hektar ladang kelapa sawit, 12 hektar kebun buah-buahan dan sayuran serta getah."

Bagi BlackWizard pula boleh digunakan untuk pokok kelapa sawit, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman landskap.

"Produk ini boleh didapati di seluruh negara, Brunei dan Indonesia. Kami menerangkan untuk mengeluarkan 100 tan metrik baja BlackWizard sebulan dan 5,000 botol bagi setiap baja FastGrow Hijau, FastGrow Merah dan Vitamin Padi," katanya.

Kukuh kedudukan

Beliau berkata, untuk mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran tempatan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran pada tahun 2020, MQH Resources akan memiliki kilang ketiganya di Shah Alam, Selangor.

"Baja ini dijual secara dalam talian, runcit dan menerusi ejen. Mereka yang berminat mendapatkan produk FastGrow dengan melayari laman web, kedai terpilih dan 50 ejen berdaftar, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan platform e-dagang terkenal.

"Kami juga mengadakan strategi pemasaran yang agresif dengan mengadakan promosi di kawasan pedalaman untuk membantu petani dan pekebun. Ia adalah kerana kebanyakan petani dan pekebun mahu menghasilkan buah gred A dan FastGrow berjaya merealisasikan kehendak mereka," katanya.

Tambahnya, FastGrow Fertilizer juga merancang untuk mengeluarkan 10 produk baharu menjelang tahun 2020.